

# Kes saman fitnah Anwar terhadap Awang dijadual semula 2026

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi, di sini semalam membenarkan permohonan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menangguhkan perbicaraan kes saman fitnahnya terhadap Ahli Parlimen Pendang, Datuk Awang Solahuddin Hashim.

Ia berhubung kenyataan Awang Solahuddin yang didakwa Anwar membawa maksud beliau mempunyai sifat pendendam dan menyalahgunakan kuasa sebagai Perdana Menteri serta menteri kewangan untuk mencapai agenda politik peribadi.

Peguam Anwar, Datuk SN Nair, memaklumkan media, Hakim Datuk Ahmad Shahrir Mohd Salleh menjadualkan semula perbicaraan itu yang sepatutnya bermula pada 20 Januari ini kepada 26 hingga 29 Oktober 2026.

Nair berkata, pihaknya memohon untuk menangguhkan tarikh perbicaraan itu kerana Anwar dijadualkan melakukan perjalanan ke luar negara bagi urusan rasmi.

Beliau berkata, hakim mengambil maklum akan perkara itu dan kemudian membenarkan permohonan anak guamnya un-

tuk menangguhkan tarikh perbicaraan.

Katanya, Anwar akan menjadi saksi tunggal plaintif pada perbicaraan itu.

Sementara itu peguam, Mohd Faizi Che Abu mewakili Awang Solahuddin, mengesahkan perkara itu dan memaklumkan defendan akan mengemukakan tiga saksi dalam perbicaraan berkenaan.

Pada 3 Mac tahun lalu, Anwar, 75, yang juga Pengerusi Pakatan Harapan, memfailkan saman itu dengan menamakan Awang Solahuddin sebagai defendan tunggal.

Anwar mendakwa Awang Solahuddin mengeluarkan kenyataan berbaur fitnah apabila menyatak sikap pendendam beliau berhubung pendakwaan terpilih pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad.

Anwar berkata, Awang Solahuddin dengan sengaja memfitnah walaupun beliau sudah menafikan secara terbuka dan pada realitinya tidak mencampuri tugas serta kuasa agensi penguatkuasaan dan Jabatan Peguam Negara.

Oleh itu, katanya, dakwaan

penyiasatan, penguatkuasaan dan pendakwaan terpilih adalah tidak benar, palsu, tidak berasas serta berniat jahat.

Anwar berkata, Awang Solahuddin menyedari sepenuhnya komitmen beliau yang dibuat kepada masyarakat umum dalam membasmi rasuah dan sokongan penuhnya terhadap kebebasan institusi penyiasatan, pendakwaan serta badan kehakiman.

Awang Solahuddin dilaporkan membuat kenyataan berhubung pendakwaan terpilih itu ketika ditemui media di lobi Parlimen pada 21 Februari tahun lalu.